

06 OCT 1998

Mahathir-MT

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT UMNO

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di sini.

Dr Mahathir tiba pada pukul 8 malam, hanya beberapa jam selepas mengakhiri lawatan sehari ke Kuching, Sarawak.

Yang menghadiri mesyuarat itu ialah dua orang Naib Presiden Umno iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Mesyuarat dijangka membincangkan beberapa isu membabitkan parti dan negara termasuk pelantikan Timbalan Perdana Menteri yang baru.

Pada 2 Sept lepas, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Majlis Tertinggi parti sehari kemudian memecat Anwar daripada Umno.

Pada 30 Sept lepas, Dr Mahathir dilaporkan berkata beliau perlu berunding dengan rakan-rakannya dalam Umno sama ada untuk melantik seorang Timbalan Perdana Menteri sebelum pemilihan parti tahun depan.

Mesyuarat juga dijangka membuat keputusan mengenai jawatan Ketua Pemuda Umno yang kosong berikutan peletakan jawatan Datuk Ahmad Zahid Hamidi 2 Okt lepas.

Perkara lain yang mungkin dibincangkan ialah keputusan Mahkamah Tinggi semalam yang mengarahkan semua orang berhenti membuat ulasan mengenai sama ada Anwar bersalah atau tidak berhubung dengan 10 tuduhan yang dihadapinya bagi menjamin beliau mendapat perbicaraan yang adil.

Satu lagi isu yang mungkin dibincangkan ialah cadangan anggota MT Datuk Seri Mohamed Rahmat supaya MT mengkaji semula beberapa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno yang sebelum ini dipengerusikan oleh Anwar.

-- BERNAMA

TM FAZ